

Hasil kerang merosot akibat cuaca

0M 22/02/24 m/s 30

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

BAGAN DATUK: Cuaca tidak menentu terutama angin kencang dan arus deras menjadikan pendapatan nelayan yang mencari kerang di muara Sungai Perak di sini.

Nelayan terlibat mendakwa hasil kerang merosot hampir separuh daripada pendapatan biasa berikutan hujan menyebabkan muara sungai bergelora sehingga membahayakan bot kecil seperti mereka gunakan.

Namun, demi mencari rezeki, mereka sanggup menyabung nyawa menempuh muara sungai bergelora dan arus deras semata-mata mahu memungut kerang.

Mohamad Nahar Sarip, 56, berkata, sejak kebelakangan ini cuaca tidak menentu dan beberapa kali dia menempuh



SAUK yang digunakan Mohamad Nahar Sarip untuk mendapatkan kerang di muara Sungai Perak dekat Bagan Datuk. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

keadaan cemas kerana sungai bergelora semasa memungut kerang.

Katanya, pada awalnya cuaca

cerah, namun tiba-tiba bertukar bergelora menyebabkan bot kecil mereka terumbang-ambing.

“Saya sudah beberapa kali

menempuh keadaan mence-maskan ketika berada di tengah muara sungai apabila cuaca berubah begitu cepat. Perubahan cuaca tidak dijangka, dari-pada tenang kepada bergelora.

“Tiada apa yang dapat saya lakukan selain melabuhkan sauh dan bertahan dalam bot menunggu sehingga cuaca kembali cerah.

“Sungai bergelora boleh menyebabkan bot kecil terbalik dan inilah keadaan yang terpaksa kami tempuh sebagai nelayan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, disebabkan faktor cuaca, kadangkala dia hanya dapat menaikkan dua tong kerang dengan setiap satu seberat 16 kilogram, berbanding 10 atau 20 tong setiap kali me-nyauk jika cuaca cerah.

Jelasnya, akibat cuaca tidak menentu, dia hanya memperoleh dua tong kerang selepas

menyauk mulai pukul 9 pagi hingga 2 petang.

“Kalau ikutkan memang tidak berbaloi dengan kos mi-nyak tapi ini sahaja yang mam-pu kami dapat,” ujarnya.

Dia menambah, jika cuaca buruk, mereka tidak memungut kerang sebaliknya mencari alternatif lain sebagai sumber pendapatan seperti memancing.

Begitupun, katanya, sumber hidupan sungai seperti udang dan ikan juga kurang disebabkan faktor cuaca.

“Saya pernah turun ke laut menyauk kerang tetapi bimbang keselamatan kerana gelombang besar maka saya hadkan aktiviti itu.

“Saya dan nelayan lain sen-tiasa berwaspada ketika turun ke laut pada musim hujan kera-na bimbang ombak besar. Walau apa pun kami tetap utamakan keselamatan,” katanya.